

03/11/2003

Rakyat dapat faedah

KOTA BHARU: Rakyat Kelantan perlu memberi peluang dan sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mencorakkan agenda pembangunan negara, termasuk di negeri ini.

Sehubungan itu, Umno Kelantan percaya rakyat negeri ini akan menikmati pelbagai faedah menerusi dasar pentadbiran Perdana Menteri baru seperti dilakukan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Pengerusi Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed berkata, rakyat negeri ini mendapat banyak faedah sepanjang pentadbiran Dr Mahathir yang tidak boleh dinafikan mana-mana pihak, termasuk parti pembangkang.